

Jabatan Canselor UMS lestarikan 'memucang-mucang'

UB 12.2.2014 A5

MEMBAKUT: Program amal memucang-mucang atau bergotong-royong Jabatan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Belia Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) di Kampung Binsulok dekat sini baru-baru ini wajar dilaksanakan dari semasa ke semasa dan tidak terhenti sekadar hanya acara tahunan.

Ketua Jabatan Canselor

No'man Datuk Hj Ahmad berkata, aktiviti memucang-mucang bersama penduduk kampung ini harus menjadi titik permulaan dalam UMS melaksanakan lebih banyak aktiviti seumpama di kawasan pedalaman lain, selaras dengan matlamat mendekati masyarakat yang menyokong UMS selama dua dekad.

"UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi

terulung di negeri ini harus memainkan peranan dalam menggerakkan kerja-kerja kemasyarakatan seperti ini bukan sahaja sebagai sumbangan kepada masyarakat khususnya penduduk di Sabah, tetapi turut menjadi contoh dan ikutan agensi lain dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka," katanya.

Katanya, aktiviti berbentuk kemasyarakatan harus diperbanyak dan diperluaskan ke kawasan lain bagi menyokong serta memangkin pembangunan jasmani dan rohani kawasan berkenaan.

Mengambil contoh aktiviti memucang-mucang di Kampung Binsulok, selain kerja-kerja membaik pulih kemudahan penduduk kampung, program itu

turut mengajak masyarakat menghayati kepentingan menuntut ilmu, selain merapatkan hubungan persaudaraan sesama umat.

"Jabatan Canselor berhasrat melestarikan aktiviti-aktiviti berbentuk kecerian yang turut menyelitkan program motivasi dan bina semangat kepada anak-anak muda Kampung Binsulok. Justeru, kita bercadang menjadikan Kampung Binsulok sebagai kampung angkat jabatan ini," katanya.

Exco Belia PMBS Pengiran Adreen turut menyokong usaha UMS dalam melaksanakan projek amal di kawasan Membakut bagi menyokong pembangunan sosio ekonomi penduduk setempat.

Katanya, PMBS sentiasa bersedia untuk bekerjasama sama ada dengan UMS atau dengan agensi-agensi lain dalam melaksanakan aktiviti pembangunan masyarakat.

"Masyarakat di sini amat gembira dengan kehadiran warga UMS yang begitu bersungguh-sungguh membantu penduduk kampung membersih dan membaik pulih kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, pondok Kafa, surau dan sekolah, selain turut menyumbangkan



KELENGKAPAN meja dan kerusi komputer turut disumbang kepada sekolah.



WARGA UMS sibuk menceriakan Surau Ag Taha.

kelengkapan meja komputer dan bahan-bahan ilmiah.

"Saya berharap agar program memucang-mucang ini menjadi satu agenda berterusan antara UMS dan PMBS," katanya.

Projek amal Jabatan Canselor UMS dengan

kerjasama Belia PMBS di Kampung Binsulok dirasmikan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Ariffin Arif yang turut mengalukan kerjasama berterusan warga UMS dengan masyarakat di Daerah Membakut.

ARIFIN bergambar kenangan bersama warga UMS dan penduduk kampung serta pelajar sekolah.

